

17/03/2000

Aidiladha disambut sederhana, meriah

KUALA LUMPUR, Khamis - Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut Aidiladha secara sederhana tetapi meriah dengan menunaikan solat sunat pada sebelah pagi dan melakukan ibadat korban selepas itu.

Di ibu negara, pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan menyembelih 23 lembu dalam upacara korban dan aqiqah di perkarangan Masjid Khallid Ibnu Al-Walid, Jalan Padang Tembak, di sini.

Sembelihan selepas solat sunat Aidiladha itu dirasmikan Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lt Jen Datuk Mohd Shahrom Datuk Nordin.

Di KLANG, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama kira-kira 1,000 orang di Masjid Sultan Abdul Aziz, Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

Turut menunaikan solat Aidiladha ialah Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah; Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar; Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn Ismail dan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ambrin Buang bersama pegawai kanan kerajaan turut menunaikan sembahyang Aidiladha bersama Seri Paduka. Raja Permaisuri Agong tiba kemudian untuk menyertai Sultan Salahuddin pada majlis korban.

Pasangan diraja itu dan Tengku Idris Shah masing-masing mengorbankan seekor lembu.

Sejumlah 10 ekor lembu dikorbankan termasuk seekor lembu yang disumbangkan Adun Selat Klang, Datuk Zakaria Md Deros. Jamuan juga diadakan di perkarangan masjid untuk hadirin.

Di ALOR STAR, rakyat berpeluang beramah mesra dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selepas menunaikan solat Aidiladha di Masjid Al Ghufuran, Jalan Pegawai.

Solat sunat itu diimamkan Abdul Aziz Rejab dan khutbah dibacakan Abu Bakar Ibrahim.

Selepas solat, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berjalan ke kawasan perkuburan Akar Peluru, bersebelahan dengan masjid untuk menziarahi pusara ibu dan bapanya.

Kedua-dua mereka menabur bunga rampai dan merenjis air mawar di kubur bapa Dr Mahathir, allahyarham Mohamad Iskandar dan kubur ibunya, allahyarham Wan Mas Tempawan Salleh, yang terletak bersebelahan.

Dr Mahathir juga turut menziarahi kubur abang iparnya, allahyarham Che Hassan Manaf dan abang kandungannya, allahyarham Che Mohamed Murad Mohamad di situ.

Beliau kemudian bertolak ke Jitra untuk mengadakan rumah terbuka sempena hari raya korban ini di Dewan Jitra sehingga 4.00 petang.

Di PULAU PINANG, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bersama lebih 1,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, Seberang Prai Utara.

Abdullah yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas, turut menyertai majlis tahlil selepas solat sunat dan bacaan khutbah Aidiladha.

Beliau turut melakukan korban dengan menyembelih 10 lembu yang dilakukan oleh Imam Masjid Al-Jamiul Badawi, Abdul Rahim Abu Bakar.

Di IPOH, Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah dan Raja DiHilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa bersama kira-kira 2,000 umat Islam menunaikan solat sunat

Aidiladha di Masjid Sultan Idris Shah II. Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Di KOTA BHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Muhammadi, sebelum berangkat ke Majlis Penghadapan di Istana Balai Besar bagi menerima kunjungan rakyat.

Sultan Kelantan kemudian menziarahi Makam Diraja Langgar dan Makam Almarhumah Raja Perempuan Zainab II.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Pulau Melaka sebelum menerima kunjungan rakyat.

Di KUANTAN, Tengku Mahkota Pahang dan Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, menyertai lebih 2,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri Sultan Ahmad Satu dan diikuti dengan melakukan korban.

Dua puluh lembu disembelih selepas solat sunat itu, anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (Maksak) Pahang dengan kerjasama pengurusan masjid.

Mohd Khalil pula, kemudian menghadiri majlis penyembelihan enam ekor lembu, anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Pahang dengan Majlis Belia Daerah Kuantan di Kompleks Belia dan Sukan Pahang, di sini.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, bersama kerabat diraja menunaikan solat sunat Aidiladha bersama rakyat di Masjid Al Muktafibilah dan kemudian menziarahi makam almarhum ayanhanda di perkarangan masjid itu.

Tahun ini kira-kira 900 lembu disembelih untuk majlis korban berbanding tahun sebelumnya iaitu melebihi 1,000 ekor di seluruh negeri, kata Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Dr Ibrahim Che Embong.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor dengan disertai Tunku Mahkota Johor dan Tunku Bendahara berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Pasir Pelangi bersama kira-kira 3,000 jemaah. Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Di KUCHING, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila Taib bersama ribuan umat Islam di bandaraya itu menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Jamek Negeri, Petra Jaya.

Sejurus solat, Taib dan ahli keluarga serta orang kenamaan tempatan mengadakan majlis ibadah korban di Sarabif, anak syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) di Bintawa, Pending di sini.

Beliau menyumbangkan 10 lembu untuk dikorbankan dan dagingnya kemudian diagihkan kepada penduduk miskin di sekitar Bahagian Samarahan.

Selain itu, Kerajaan negeri menyumbangkan 345 bebiri untuk diagihkan kepada setiap masjid dan surau di seluruh negeri bagi tujuan korban.

DI MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin solat Aidiladha bersama lebih 3,000 umat Islam di Masjid Al-Azim.

(END)